

BAB 5 : KEGAGALAN PEMBAHARUAN QLNGLI

Menurut sejarah rasmi Song , dasar pembaharuan Qingli mula dilaksanakan pada bulan ke-10 , tahun 1043 . Pembaharuan dalam sistem kenaikan pangkat merupakan dasar yang mula-mula sekali dilaksanakan . Kerajaan dinasti Song telah melantik Zhang Wenzhi 张温之, Wang Su 王素 dan Shen Miao 沈邈 sebagai Pesuruhjaya Fiskal di mana mereka dihantar ke seluruh negara untuk menjalankan siasatan . Langkah tersebut diikuti pula dengan pembaharuan dalam sistem perlindungan , sistem peperiksaan , sistem kerahan , sistem pertanian , sistem kurniaan maharaja dan undang-undang . Hanya pembaharuan dalam sistem ketenteraan sahaja yang tidak dijalankan oleh kerajaan Song . Kawan seperjuangan Fan Zhongyan telah menggesa maharaja Song Ren Zong supaya melaksanakan dasar pembaharuan dengan segera .¹

Sementara itu , Ouyang Xiu juga memberi amaran bahawa dasar pembaharuan yang dijalankan ini akan mendapat tentangan yang hebat dari orang-orang yang tidak berprinsip . Menurut Ouyang Xiu : “Hanya dengan menghapuskan dasar yang mementingkan hak-hak golongan tertentu , barulah dapat mengikis kan kelemahan yang timbul sepanjang beberapa generasi dinasti Song . Dasar pembaharuan ini sememangnya menimbulkan kemarahan daripada orang yang tidak berprinsip , kritikan demi kritikan telah diberikan oleh golongan-golongan tertentu .

¹Ouyang Xiu 欧阳修, “Lunqi zhuzhang Fan Zhongyan Fu Bi deng xingshi zhazi” 论乞主张范仲淹富弼等行事札子, *Ouyang Xiu quanji* 欧阳修全集 , Beijing : Zhongguo Shudian 中国书店, Vol.12 , 1986 , m.s.45—46 .

Manakala golongan-golongan tidak bermoral ini akan cuba menghalang dengan sedaya-upaya dasar pembaharuan ini . Sekiranya baginda mendengar kata-kata daripada mereka , maka pembaharuan ini tidak akan mencapai kejayaan .” (必须先绝侥幸，因循姑息之事，方能救世之积弊。如此等事，皆外招小人之怨怒，不免浮议之纷纭。而奸邪未去之人，亦须时有馋阻。若稍听之，则事不成矣。)²

Fan Zhongyan berpegang teguh kepada konsep “ biar ahli sekeluarga menangis dan janganlah rakyat seluruh tempat menangis ” (*yijia ku heru yihu ku* 一家哭何如一路哭) . Konsep ini terus membara semangat Fan Zhongyan untuk menceburi diri dalam arus pembaharuan .

Sebenarnya , di antara pembaharuan yang dikemukakan oleh Fan Zhongyan ini , kebanyakannya telah dijalankan dalam negara . Dengan lain perkataan , di antara dasar pembaharuan tersebut , hanya pembaharuan dalam ketenteraan tidak dilaksanakan oleh kerajaan dinasti Song di seluruh negara .

Sebagai rangkuman , kerajaan Song telah mengeluarkan perintah untuk menjalankan pembaharuan seperti yang berikut :

² Ibid. , “Qili ju fuyi zhong zeren Fan Zhongyan deng ” 乞力拒浮议终责任范仲淹等 , Vol. 13 , m.s. 8—10 .

1. Sekretariat Imperial dan Biro Ketenteraan diarahkan supaya melantik serentak pegawai-pegawai yang bertugas dalam bidang kewangan di setiap daerah .
2. Pegawai tempatan diberi perintah untuk menyemak kes-kes pengelakan cukai .
3. Sistem *mokan* perlu diubahsuai di mana pegawai-pegawai yang benar-benar membawa kemajuan kepada kawasan sahajalah dinaikkan pangkat . Manakala pegawai-pegawai yang tamat tempoh perkhidmatannya selepas tiga tahun boleh memohon untuk kenaikan pangkat sekiranya mendapat perakuan dari lima orang pegawai tinggi .
4. Sistem “perlindungan” perlu diubahsuai di mana golongan-golongan yang terlibat diperlukan menduduki peperiksaan dalam masa setengah tahun selepas nama mereka dicadangkan . Setelah lulus dalam peperiksaan , calon-calon tersebut perlu mendapatkan perakuan daripada tiga orang pegawai awam kerajaan pusat untuk memegang jawatan rendah di kawasan jauh . Calon-calon ini akan bertugas dalam kerja-kerja kerahan sekiranya tidak mendapat perakuan daripada pegawai awam tersebut . Manakala mereka yang tidak mengambil peperiksaan dan tanpa perakuan tidak akan diberi jawatan . Tidak ada had umur bagi “perlindungan” yang diberi kepada ahli-ahli keluarga pegawai tinggi tetapi usia mereka mesti melebihi 15 .
5. Keluasan sawah awam kerabat diraja dan pegawai awam akan dikecilkkan , sementara itu tanah ini diagihkan semula kepada pegawai tempatan yang tidak mempunyai sawah berdasarkan keutamaan jawatan mereka .

6. Pembinaan sekolah-sekolah awam di peringkat daerah dan tempatan dijalankan oleh kerajaan Song . Sistem peperiksaan yang baru dibentuk di mana penekanan diberi kepada penghujahan isu-isu semasa .

Memandangkan dasar pembaharuan telah menyentuh dan mencabar kedudukan golongan-golongan tertentu , maka pembantahan secara keras-kerasan telah dilakukan oleh golongan tersebut . Ini telah memberi pukulan yang hebat kepada pembaharuan yang dikemukakan oleh Fan Zhongyan . Perlaksanaan pembaharuan Fan memakan masa yang singkat sahaja , iaitu berlangsung untuk 9 bulan sahaja . Dalam masa beberapa bulan sahaja , pemimpin reformis iaitu Fan Zhongyan dan Fu Bi kedua-duanya terpaksa meninggalkan ibunegara dan bertolak ke tempat yang lain . Pada bulan ke-11 , tahun 1044 , perbincangan mengenai “pakatan” telah berleluasa tanpa berhenti-henti . Pada bulan pertama tahun 1045 , Fan Zhongyan dan Fu Bi telah meletakkan jawatan secara rasmi . Pada bulan yang ke-2 , maharaja Song Ren Zong menurunkan perintah dan menghapuskan pembaharuan dalam sistem *mokan* dan sistem “perlindungan ” manakala pembaharuan yang lain pula turut dihentikan .³

Sekiranya ditinjau dengan lebih mendalam , didapati bahawa dasar pembaharuan yang dikemukakan oleh Fan Zhongyan sememangnya menemui jalan buntu oleh kerana dasar pembaharuan tersebut tidak terdaya mengubah dan memperbaiki seluruh struktur masyarakat China yang kian merosot .

³ “Ren Zong benji” 仁宗本紀 , *SS* , Beijing : Zhonghua Shuju , Bab. 11 , m.s. 167 –168 .

Menurut Jin Guantao 金观涛 , sejarah diibaratkan sebagai sebatang sungai yang panjang di mana perubahan adalah satu hakikat yang terpaksa diterima . Tidak kira struktur masyarakat yang konservatif mahupun pembentukan masyarakat yang kukuh , ianya tidak dapat mlarikan diri dari arus perubahan ini .⁴

Apabila manusia menjalankan sesuatu dasar yang dianggap efektif untuk menyelesaikan masalah , disebaliknya dasar yang dianggap efektif ini kemungkinan besar akan membawa akibat yang lebih teruk lagi , di mana kesan-kesannya adalah dianggap luar daripada anggapan manusia .⁵

Dasar pembaharuan Qingli adalah satu dasar pembaharuan yang dijalankan secara kecil-kecilan . Apa yang disarankan oleh Fan Zhongyan sebenarnya hanya dapat menyelesaikan kelemahan dinasti Song secara luaran sahaja . Apa yang penting , dasar ini tidak mampu mengubah seluruh struktur atau pembentukan masyarakat negara China yang dipenuhi dengan kelemahan dan kesulitan . Sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat yang telah wujud dari dulu lagi tidak mudah diperbaiki , diubah dan dihapuskan sama sekali .

Untuk membincangkan tentang kegagalan pembaharuan Qingli , peninjauan harus ditumpukan kepada seluruh struktur masyarakat China . Sebelum itu , Profesor Chen Rongzhao telah membuat analisa dan membuat kesimpulan tentang faktor kegagalan dasar pembaharuan Qingli , ianya termasuklah : (1)

⁴ Jin Guantao , op.cit. , m.s.11 .

⁵ Ibid. ,m.s.63 .

Bantahan dan kritikan daripada golongan konservatif , (2) Taktik-taktik fitnah golongan oportunis dan (3) Kelemahan golongan reformis . Secara luaran , faktor-faktor yang dikemukakan di atas merupakan sebab utama kegagalan dasar pembaharuan Qingli , namun ditinjau secara mendalam , kelemahan struktur masyarakat China pada keseluruhannya sepatutnya merupakan punca utama Fan Zhongyan menemui kegagalan .

5.1 Semangat Konservatif di Kalangan Pegawai-pejawai

Jika ditelusuri secara lebih teliti , didapati bahawa dalam struktur masyarakat China sendiri telah wujud permasalahan yang serius sejak dulu lagi . Sama ada disedari ataupun tidak , sepanjang masa kelemahan dalam struktur masyarakat China telah mengakibatkan kegagalan sesuatu pembaharuan dan seterusnya membawa kepada kemusnahan sesebuah dinasti termasuklah dinasti Song .

Apabila membicarakan tentang soal kegagalan pembaharuan , kita seharusnya mengaitkan kegagalan ini dengan tradisi dan semangat konservatif yang selama ini telah wujud di dalam masyarakat China . Menurut sarjana-sarjana yang terkemuka di China iaitu Jin Guantao dan Liu Qingfeng 刘青峰 , struktur masyarakat China lama adalah lebih bersifat sistem penggabungan kuasa peribadi

berdasarkan adat tradisional (yang tidak tertulis) dan tatahukum yang tertulis dalam undang-undang .⁶ Dengan lain perkataan , pemerintah telah menggabungkan bersama adat tradisional dengan tatahukum apabila menjalankan segala polisi pemerintahan . Secara lebih jelas , pemerintah menjalankan pemerintahan tanpa berdasarkan kepada peraturan atau undang-undang semata-mata . Inilah kelemahan yang wujud dalam struktur masyarakat China dari dulu hingga kini di mana kelemahan ini telah membawa kepada kegagalan demi kegagalan dasar pembaharuan yang dikemukakan oleh pihak reformis sepanjang masa .

Berdasarkan isi kandungan pembaharuan Qingli , didapati bahawa golongan reformis memang mempunyai hasrat untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul pada dinasti Song . Namun demikian , apa yang dicadangkan sebenarnya hanya sekadar mengatur semula secara kecil-kecilan polisi yang wujud sebelumnya tanpa meninjau tentang punca utama masalah tersebut .

Menurut Jin Guantao , pemerintah pada zaman tradisional telah mempraktikkan sistem percampuran kuasa peribadi berdasarkan adat tradisional dan tatahukum yang tertulis dalam undang-undang demi mengawal sistem pentadbiran negara . Secara ringkas , sistem ini dapat membina satu empayar yang maju dan makmur . Namun disebaliknya pula , sistem ini juga menimbulkan masalah sosial yang serius iaitu soal bilangan pegawai yang berlebih-lebihan dan kemerosotan sistem pemerintahan yang semakin teruk .

⁶ Keterangan lanjut boleh dirujuk dalam buku Jin Guantao dan Liu Qingfeng , *Xingsheng yu weiji* , ms. 63—67 .

Biasanya , sesuatu empayar yang baru didirikan itu mempunyai bilangan pegawai yang tidak ramai pada permulaannya di mana pasukan pegawai-pegawai ini pada keseluruhannya lebih bersifat amanah dan cekap dalam menjalankan tugas mereka . Walau bagaimanapun , perubahan masa telah mengakibatkan kewujudan institusi-institusi yang kian bertambah dan pegawai-pegawai yang semakin ramai . Dalam hubungan ini , masalah bilangan pegawai yang terlalu ramai telah menjadi satu hakikat yang tidak dapat dielakkan . Akibatnya , institusi-institusi dalam sistem birokrasi ini menjadi semakin tidak cekap dan merosot pada keseluruhannya .⁷

Penggabungan adat tradisional dengan undang-undang yang diamalkan oleh kerajaan sebenarnya bertujuan untuk mengawal secara keras seluruh masyarakat China . Untuk mengadakan kawalan yang keras dan teliti , maka pegawai-pegawai yang ramai sangat diperlukan dalam jentera pentadbiran kerajaan . Seperkara lagi , perkembangan dalam ekonomi telah menyebabkan semakin padatnya dan meningkatnya bilangan penduduk . Memandangkan hal-hal pentadbiran semakin banyak dan rumit , maka pertambahan dalam bilangan pegawai adalah perlu .

Walaupun bilangan pegawai awam tidak sama dari satu zaman ke zaman yang lain , namun terdapat satu perkembangan yang amat ketara iaitu bilangan pegawai awam pada akhir sesuatu dinasti selalunya melebihi bilangan yang ada pada permulaan dinasti tersebut . Sama ada disedari atau pun tidak ,

⁷Ibid. , m.s. 63 .

bilangan pegawai itu selalunya meningkat beberapa ganda sehingga berpuluhan-puluhan ganda.⁸ Dinasti Song adalah contoh yang konkret di mana pegawai yang berlebih-lebihan telah menjadi satu bebanan yang besar kepada kerajaan. Carta di bawah telah menunjukkan penambahan bilangan pegawai dalam sistem pentadbiran dinasti Song.⁹

Masa Pemerintahan 历朝	Pegawai-pegawai di Ibukota dan Istana 京朝官	Pegawai-pegawai tempatan 选人	Pegawai-pegawai tentera 武职	Jumlah pegawai 总数
Masa Jingde (1004--1007) pemerintahan Zhen Zong 真宗景德				13,000
Masa Tiansheng (1023--1031) pemerintahan Ren Zong 仁宗天圣	2,000		4,000	
Masa Qingli (1041--1056) pemerintahan Ren Zong 庆历	2,800	10,000		20,000

Pegawai-pegawai awam birokrasi di negara China tradisional sebenarnya mempunyai dua ciri khas yang nyata. Pertama, demi mengawal seluruh masyarakat China, maharaja terpaksa bergantung kepada pihak-pihak yang tertentu dalam sistem pentadbiran negara. Pihak-pihak yang terlibat ini kebanyakannya

⁸ Ibid. , m.s. 63—64.

⁹ Fang Hao , op.cit. , m.s. 34 .

merupakan golongan atasan atau kelas tuan tanah . Kedua , demi memperkuatkan kedudukan baginda sendiri , maharaja telah mengamalkan dasar yang bercanggah , iaitu memberi hak istimewa kepada sarjana-sarjana pentadbir pada masa yang sama . Ternyata , ciri-ciri khas ini telah secara tidak langsung memberi peluang kepada sesetengah pihak untuk memegang kuasa dalam medan pentadbiran . Jauh daripada itu , budaya tindas-menindas dan diskriminasi yang berlaku disebabkan birokrasi dan salah guna kuasa turut berleluasa dan menimbulkan masalah sosial yang lebih serius . Sebagai contoh , demi kepentingan diri dan kepentingan golongan mereka , golongan konservatif telah membantah secara mati-matian pembaharuan Qingli . Menurut golongan tersebut , adat dan peraturan nenek moyang tidak boleh diubah . Sesiapa yang ingin membuat pembaharuan akan dikecam sebagai pengkhianat . Golongan konservatif tidak mudah untuk menerima perubahan yang baru walaupun perubahan tersebut membawa kebaikan kepada rakyat dan negara . Di sini , pembaharuan Qingli merupakan mangsa dalam struktur masyarakat yang begitu mementingkan adat tradisional dan dipengaruhi oleh semangat konservatif .

Sesungguhnya pembentukan masyarakat China adalah amat unik sekali di mana sifat seperti memberi muka , pertalian , membalias budi dan kemanusiaan telah menjadi perkara yang harus dipertimbangkan apabila menjalankan sesuatu dasar . Inilah kelemahan struktur masyarakat China yang sekian lama melahirkan golongan masyarakat yang mementingkan perhubungan sesama sendiri . Dasar pembaharuan Qingli telah menjaskan faedah golongan-

golongan tertentu dan mencabar perkara-perkara yang disebut di atas , maka adalah tidak mudah untuk mendapatkan sokongan daripada golongan tersebut yang juga merupakan golongan yang paling berkuasa dalam masyarakat zaman itu .

Memandangkan kegagalan demi kegagalan berlaku dalam sejarah pembaharuan China , maka ahli falsafah dan sarjana turut membuat kajian tentang gejala tersebut . Didapati bahawa terdapat satu “unsur ” yang selalu merosakkan sistem birokrasi tersebut secara automatiknya dalam sejarah China . “Unsur ” ini disifatkan sebagai “kuasa yang tidak berorganisasi” (无组织力量) ataupun kuasa yang tidak tertulis dalam undang-undang tetapi wujud secara praktis berdasarkan tradisi . Secara kasar , “kuasa yang tidak berorganisasi ” ini merujuk kepada dasar pemerintahan yang dijalankan oleh pemerintah itu tidak berorganisasi dan tidak mengikut sistem . “Kuasa yang tidak berorganisasi ” ini diibaratkan sebagai racun yang merbahaya di mana ianya mampu merosakkan sistem pentadbiran birokrasi bahkan memusnahkan seluruh masyarakat .¹⁰

Seorang penulis yang bernama Huang Guoguang 黄国光 telah memberi penjelasan tentang sikap pemerintah apabila berdepan dengan masalah dan kelemahan negara dalam bukunya *Zhongguoren de quanli youxi* 中国人的权力游戏 (*Permainan Kuasa Orang China*) . Menurut beliau , pada dasarnya , pihak pemerintah jarang meninjau pada punca yang mendorong kepada timbulnya sesuatu masalah . Mereka cuma memperkenalkan pembaharuan demi mengurangkan

¹⁰ Sila rujuk Jin Guantao dan Liu Qingfeng dalam bukunya *Xingsheng yu Weiji* , ms. 80.

masalah tersebut . Kebiasaannya mereka berpendapat bahawa masalah yang timbul adalah disebabkan oleh perangai pegawai yang tidak bertanggungjawab . Dalam hal ini , pemerintah biasanya akan menyelesaikan masalah tersebut dengan tiga langkah :

1. Mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas mereka yang dibuktikan bersalah .
2. Memperluaskan siasatan dan membuat aduan terhadap mereka yang membuat salah .
3. Memperbaiki cara siasatan dan pengawalan demi menghalang dan mencegah perbuatan jahat yang dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan.¹¹

Jika ditinjau dengan teliti , didapati bahawa langkah yang dijalankan oleh pemerintah sememangnya tidak mampu mencegah masalah yang kian berleluasa malah semakin serius itu . Apa yang penting , pemerintah-pemerintah telah mengabaikan faktor asas yang mendorong kepada masalah tersebut . Secara ringkas , rajah di bawah dapat menghuraikan asas masalah-masalah yang timbul pada dinasti-dinasti China :

¹¹ Huang Guoguang 黄国光 , *Zhongguoren de quanli youxi* 中国人的权力游戏 (*Permainan Kuasa Orang China*) , Taipei Juliu Tushu Gongsi 台北巨流图书公司 , 1988 , m.s. 182 .

Pemerintahan yang menggabungkan adat tradisional
dan tatahukum



Timbulnya kuasa yang tidak berorganisasi



Kerosakan sistem pentadbiran birokrasi



Pegawai-pegawai yang berlebih-lebihan



Timbulnya masalah sosial



Kegagalan dan kemasuhan dasar pembaharuan

dan dinasti

Rajah di atas secara mudah menunjukkan bahawa betapa bahayanya “kuasa yang tidak berorganisasi” ini. Tanpa satu rang undang-undang yang efisen, pegawai-pegawai mudah melakukan penyelewengan dalam sistem pentadbiran negeri. Kuasa besar yang diberikan kepada segolongan pegawai telah menjadi satu alat penghancur di mana pegawai-pegawai tersebut rela menggadaikan prinsip dan etika ahklak sehingga bermati-matian melakukan apa saja demi kuasa. Menurut penulis Huang Guoguang, sesungguhnya pegawai tempatan mempunyai hak menolak keputusan yang dibuat oleh pegawai tinggi kerajaan. Malah mereka menolak polisi yang diumumkan oleh kerajaan pusat. Selalunya, mereka menggunakan taktik-taktik seperti melambatkan projek, sengaja salah faham tentang polisi kerajaan pusat dan tidak menjalankan tanggungjawab sendiri demi secara tidak langsung membantah perintah kerajaan pusat. Perdagangan dan pembaharuan

negeri telah dirosakkan oleh taktik-taktik ini . Dalam masa 50 tahun ini , polisi yang diumumkan oleh kerajaan Song selalunya mengalami nasib yang sama .¹²

Walaupun Fan Zhongyan sedar bahawa kuasa yang menyeleweng akan menghancurkan dinasti Song , namun beliau sendiri masih tidak memahami unsur yang menyebabkan penyelewengan tersebut . Satu contoh yang konkret ialah Fan telah menyarankan supaya hak istimewa dihadkan kepada pegawai kanan dan diberi kepada anaknya sahaja , tidak termasuk cucu dan saudara-mara mereka dalam amalan sistem *enyin* . Di sini , terdapat dua situasi yang penting dan harus diberi perhatian yang serius . Pertama , hak istimewa masih wujud dan berada di tangan segolongan besar pegawai-pegawai kerajaan . Mereka ini masih berkuasa dan sanggup melakukan perbuatan yang jahat tanpa dikawal . Kedua , bagi saudara-mara dan generasi seterusnya yang tidak mendapat hak istimewa , perasaan tidak puashati akan timbul sehingga mereka sanggup melakukan apa sahaja termasuklah dendki dan fitnah untuk mempertahankan kedudukan mereka .

Dalam erti kata lain , pembaharuan Fan Zhongyan pasti menemui kegagalan kerana Fan cuma menghadkan pembaharuan kepada sebahagian polisi kerajaan supaya masalah tidak bertambah serius tetapi beliau tidak langsung menyentuh secara mendalam tentang struktur masyarakat yang semakin merosot pada dinasti Song .

¹² Ibid. , m.s. 180 .

Untuk menerangkan tentang “kuasa yang tidak berorganisasi” ini , sarjana Jin Guantao telah memberi satu gambaran contoh yang agak jelas dalam hal ini . Menurut beliau , pada suatu hari , pembesar Qi 齐 bersama dengan tokoh politik yang terkenal iaitu Guan Zhong (yang berkhidmat sebagai Perdana Menteri Qi) pergi melawat sebuah kandang kuda . Pembesar Qi telah bertanya orang yang menjaga kuda tersebut tentang kesulitan yang dihadapi dalam menjaga kuda-kuda tersebut . Penjaga kuda itu tidak terdaya menjawab soalan tersebut . Guan Zhong dengan serta-merta memberitahu pembesar Qi bahawa membuat kandang kuda adalah perkara yang paling susah , sebab batang kayu pertama yang dicari mestilah lurus , demikian juga dengan batang-batang kayu yang seterusnya . Jika kayu yang pertama itu tidak lurus , maka yang lain itu tidak akan lurus juga . Seorang pemimpin yang melakukan perbuatan jahat dapat mempengaruhi pembesar-pembesar di bawahnya sehingga mereka melakukan perbuatan jurang juga . Demikianlah Guan Zhong menggunakan metafora untuk menjelaskan kepada pembesar Qi prinsip penting pembentukan sesebuah negara .¹³

Sesungguhnya maharaja Song Ren Zong seumpama kayu yang pertama dalam pembinaan kandang kuda tersebut . Malah maharaja sendiri merupakan orang yang paling penting dalam mengubah struktur masyarakat dinasti Song . Namun demikian , sejarah telah membuktikan bahawa maharaja sendirilah yang merupakan penghalang kepada kemajuan negara di mana tanpa satu sistem atau rang undang-undang yang lengkap , maharaja yang kurang berupaya secara

¹³ Jin Guantao , Liu Qingfeng , op.cit. , m.s. 81 .

tidak langsung telah memilih menteri-menteri yang tidak jujur untuk berkhidmat dalam jentera pentadbiran negara . Apabila bilangan menteri-menteri yang berakal buruk lebih daripada menteri-menteri yang jujur , maka timbulah masalah dalam sistem pentadbiran negara . Secara kesimpulan , peningkatan dalam “ kuasa yang tidak berorganisasi ” ini telah memburukkan lagi keadaan di Song Utara .

Jika dilihat secara teliti , didapati bahawa golongan oportunist telah membuat fitnah yang bukan-bukan terhadap Fan Zhongyan di depan maharaja Ren Zong . Dakwaan menubuhkan pakatan atau *pengdang* 朋党 telah dikemukakan oleh golongan oportunist . Bahkan mereka mendorong maharaja Ren Zong menyimpan perasaan syak wasangka terhadap kesetiaan Fan Zhongyan . Menurut Jia Zhiyang (John W. Chaffee), pihak reformis menaruh harapan dan keyakinan ke atas sokongan daripada maharaja dan tujuan mereka bukan untuk menyakinkan orang ramai . Tambahan lagi mereka ini telah menjauhkan diri daripada pegawai-pegawai tinggi yang berpengaruh . Disebaliknya , pegawai-pegawai berpengaruh ini telah dapat menghasut maharaja Ren Zong mensyaki kesetiaan dan matlamat sebenar reformis-reformis .¹⁴

Di sini , kita dapati bahawa menteri-menteri dan pembesar-pembesar serta sida-sida yang membuat fitnah ini merupakan “ kuasa yang tidak berorganisasi ” dan mereka ini merupakan golongan yang terbanyak dan mampu menghancurkan dasar pembaharuan Qingli tanpa disedari .

¹⁴ Jia Zhiyang 贾志扬 , *Songdai keju* 宋代科举 (*Sistem Peperiksaan Keju Dinasti Song*) , Dongda Tushu Gufen Youxiangongsi 东大图书股份有限公司 , 1995 , m.s. 104


Secara ringkas , Fan Zhongyan sebagai seorang individu dalam kumpulan masyarakat yang besar tidak terdaya untuk melawan dan menentang seluruh struktur masyarakat China yang telah bermasalah sejak dari masa terdahulu . Hanya dengan menjalankan revolusi secara besar-besaran dan sanggup menggulingkan adat dan peraturan tradisional termasuk kuasa maharaja sahajalah , rintangan dan halangan yang wujud dalam perjalanan pembaharuan seperti dasar pembaharuan Qingli dapat diatasi .

5.2 Pemerintahan Peribadi (*Renzhi* 人治) dan Kuasa Maharaja(*Huangquan* 皇权)

Polisi pentadbiran negara yang terlalu mementingkan pemerintahan peribadi (*renzhi*)¹⁵ dan bukannya “ undang-undang ” (*fa* 法) sememangnya memberi kesan yang buruk terhadap negara . Sistem imperial yang telah wujud sejak zaman Qin 秦 (221—207S.M.) dahulu telah membawa kesan yang mendalam kepada rakyat China sehingga melahirkan satu konsep yang unik dalam sejarah China iaitu “maharaja sama dengan kuasa , manakala kuasa sama dengan undang-undang ” . Dengan lain perkataan , kuasa maharaja tidak boleh dicabar . Di sini jelas menunjukkan bahawa maharaja terletak di carta piramid yang tertinggi.¹⁶ Carta di bawah dapat menggambarkan keadaan ini :

¹⁵ *Renzhi* membawa maksud kuasa dan keputusan yang dibuatnya berdasarkan peribadi seseorang (yang lebih subjektif) .

¹⁶ Jin Guantao , Liu Qingfeng , op.cit. , m.s. 73 .



GRAF KUASA PIRAMID

Boleh dikatakan bahawa sistem pentadbiran dinasti-dinasti zaman dulu adalah berdasarkan kepada kuasa maharaja . Begitulah juga pada dinasti Song . Kuasa maharaja adalah kuasa yang paling penting sekali . Maharaja diibaratkan sebagai mesin mengatur semula segala sistem pentadbiran birokrasi . Secara lebih jelas , maharaja mempunyai kuasa yang sepenuhnya untuk memperbaiki dan mengatur semula kelemahan-kelemahan dalam sistem pentadbiran birokrasi . Sejarah telah membuktikan bahawa maharaja yang berkaliber mampu mewujudkan satu masyarakat yang stabil . Contohnya maharaja Song Tai Zu telah menamatkan pemerintahan Lima Dinasti dan seluruh negara dapat disatukan di bawah dinasti Song . Walau bagaimanapun , adakah maharaja Song Tai Zu dapat menjamin penyatuan tersebut dikekalkan dengan lamanya ? Jawapannya tidak . Sejarah telah membuktikan kepada kita bahawa polisi yang berdasarkan kepada kuasa maharaja tidak boleh menyelesaikan masalah , bahkan ianya akan membawa mudarat kepada

negara pada masa kemudiannya . Menurut Jin Guantao , oleh sebab maharaja terletak di atas kuasa piramid , tiada kuasa lain yang lebih tinggi untuk mengawal baginda , maka maharaja selalunya menjadi punca penghancur yang terpenting dalam sejarah . ¹⁷ Pepatah Cina iaitu “ menemani maharaja samalah seperti menemani seekor harimau ” (*ban jun ru ban hu* 伴君如伴虎) telah melambangkan kebahayaan apabila menjalankan tugas bersama maharaja di mana nyawa akan tergadai pada bila-bila masa sahaja .

Sikap mengampu-ampu dan mengambil muka oleh segolongan besar menteri-menteri dan pembesar-pembesar merupakan satu hakikat yang harus diterima . Oleh sebab maharaja mempunyai kuasa mutlak , ramai yang suka mengambil hati maharaja . Akibat dari itu , wujudlah orang-orang tidak berprinsip yang suka puji-memuji terhadap maharaja . Manakala menteri-menteri atau pembesar-pembesar yang berani mengkritik kelemahan sistem pentadbiran negara pula akan disifatkan sebagai penjahat dan pengkhianat negara . Jauh daripada itu , bantahan dan fitnah turut berlaku tanpa menghirau masa depan dan kepentingan negara . Perkataan “ pakatan ” telah menjadi satu alat untuk menyerang musuh-musuh politik oleh golongan oportunistis pada dinasti Song . Selain itu , kuasa mengkritik telah dipergunakan dalam pertelingkahan politik . Golongan reformis dan pihak pembangkang masing-masing menyerang sesama sendiri . Akhirnya maharaja Song Ren Zong telah memperhentikan segala pembaharuan dan Fan Zhongyan serta kawan-kawan seperjuangannya terpaksa meninggalkan ibukota pada tahun 1044 .

¹⁷ Ibid. , m.s. 76 .

Dasar pembaharuan telah dihentikan secara keseluruhannya pada tahun 1045 , namun kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh dinasti Song langsung tidak diperbaiki , malah keadaan menjadi lebih serius lagi setelah pemergian golongan reformis .

Ternyata , pentadbiran yang berdasarkan kuasa maharaja merupakan satu sistem yang memang terdapat banyak kelemahan . Krisis yang timbul pada dinasti Song dan kegagalan pembaharuan sebenarnya disebabkan oleh sistem yang diamalkan sepanjang sejarah China . Fan Zhongyan tidak akan mencapai kejayaan kerana beliau tidak memahami punca utama krisis tersebut , malah beliau berhasrat mempertingkatkan dan memperkuatkan lagi perintah maharaja dengan menyarankan supaya pembaharuan dalam kurniaan maharaja (*tan enxin*) dilaksanakan dalam petisyen “ shishishu ” 十事疏 tersebut . Tindakan Fan Zhongyan seolah-olah mempertingkatkan lagi kuasa maharaja sedangkan sistem pentadbiran yang berdasarkan kuasa maharaja ini adalah punca utama kegagalan dan kemasuhan dasar pembaharuan .

Menurut seorang penulis iaitu He Lingxu 贺凌虚 ,

Dalam hati Fan Zhongyan , maharaja adalah pemimpin kepada seluruh rakyat jelata .
Maharaja memainkan peranan untuk mewujudkan suatu masyarakat yang harmoni dan gembira .¹⁸

¹⁸ He Lingxu 贺凌虚 , “Fan Zhongyan de zhengzhi sixiang” 范仲淹的政治思想 (Pemikiran Politik Fan Zhongyan) , *Jinian Fan Zhongyan yiqianjian danchen guoji xueshu yantaohui lunwenji* , m.s. 1313 .

Fan Zhongyan berpendapat bahawa hubungan antara maharaja dengan menteri-menteri adalah seperti berikut , iaitu kedaulatan maharaja harus dititikberatkan dan menteri-menteri harus mendengar titah daripada maharaja . Sementara itu , maharaja mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan perkara-perkara yang betul dan salah . Malah Fan sendiri menyokong sepenuhnya sistem pemerintahan yang berdasarkan maharaja .¹⁹

Peningkatan kuasa dan kedudukan maharaja tidak menjamin kemajuan bangsa dan negara , sebaliknya apa yang lebih menjamin ialah pengagihan kuasa yang berdasarkan satu rang undang-undang yang efektif . Menurut Huang Guoguang ,

Penggunaan frasa “ pengurusan secara sembunyi ” (*clandestine management* 暗盘管理) adalah sesuai untuk menggambarkan cara pentadbiran pegawai-pegawai awam dan pegawai-pegawai di bawahnya . Mereka mengetahui kelemahan dan tidak berkesanannya sistem yang dilaksanakan maka mereka mengambil kesempatan merebut kuasa dengan merancang untuk memegang jawatan yang penting dan merampas keuntungan daripada jawatan tersebut .²⁰

Ini menunjukkan bahawa sistem yang berdasarkan kuasa maharaja ini telah memberi ruang yang begitu baik kepada wujudnya “ pengurusan secara sembunyi ” oleh pegawai-pegawai kerajaan . Walaupun terdapat kementerian-kementerian dan biro-biro yang bertanggungjawab untuk mengawal tugas mereka ,

¹⁹ “Diwang haoshang lun ” 帝王好尚论 , *FWZJ* , Vol. 5 , m.s. 176 .

²⁰ Huang Guoguang , op.cit. , m.s. 182 .

namun tidak boleh dinafikan bahawa segala kuasa mutlak adalah terletak di tangan maharaja . Walau bagaimanapun , kuasa maharaja yang mutlak ini tidak menjamin keberkesanan dan kecekapan perjalanan sistem pentadbiran negara . Keadaan yang buruk berleluasa pada sistem imperial China walaupun disebabkan oleh subahat antara pegawai-pegawai awam di tiap-tiap pangkat , namun punca utama sebenarnya datang daripada pegawai-pegawai tempatan . Mereka mempunyai peluang yang lebih banyak untuk mengaut keuntungan baik daripada orang lain , bahkan mereka boleh mengubah , memutarbelitkan dan merosakkan secara besar-besaran segala prosedur pentadbiran demi kepentingan diri sendiri . Justeru itu , korupsi pegawai-pegawai tempatan selalunya dikaitkan dengan perkara saling bersubahat dan melindungi sesama sendiri dan mereka ini sesungguhnya merupakan satu dilema dalam sistem pentadbiran awam .²¹

Golongan reformis yang dipimpin oleh Fan Zhongyan tidak terdaya menyakinkan maharaja tentang dasar pembaharuan mereka . Bahkan kritikan-kritikan dan bantahan yang ditujukan oleh golongan oportunistis kepada golongan reformis itu lebih mengambil hati maharaja dan lebih mengikuti kehendak kebanyakan menteri-menteri di istana . Apabila berdepan dengan dua pihak yang bercanggahan pendapat di mana mereka sama-sama mempunyai tujuan sendiri , adalah susah dan rumit bagi maharaja untuk membezakan pandangan-pandangan mana pihak yang dapat membangunkan semula dinasti Song . Pada keadaan ini , emosi , pertalian dan perasaan manusia 人情 akan mempengaruhi keputusan maharaja . Contoh yang

²¹ Ibid. , m.s. 170 .

ketara ialah Fan Zhongyan difitnah ingin menggulingkan maharaja Ren Zong dan menyokong pemerintah baru . Pada masa itu , kuasa ketenteraan yang dipegang oleh Fan dan Fu Bi hasil perperangan di sempadan menakutkan dan mencurigakan maharaja Ren Zong . Akhirnya Ren Zong menerima pandangan daripada golongan oportunist dengan menghantar Fan Zhongyan ke Shaanxi dan Fu Bi pula ke Hebei.

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa golongan yang mampu menyakinkan maharaja akan menjadi pihak yang menang . Tiada satu garis undang-undang yang boleh dijadikan rujukan dan bantuan . Sistem pentadbiran yang berdasarkan kuasa maharaja sekali lagi membuktikan bahawa penyelewengan dan ketidakadilan adalah perkara yang serius dalam dasar pemusatan kuasa maharaja . Sistem birokrasi yang berdasarkan kuasa maharaja dalam sejarah China telah menyediakan satu pentas yang baik untuk permainan kuasa oleh pegawai-pegawai .

Sistem politik yang berlanjutan begitu lama dalam sejarah China sebenarnya adalah sistem yang berdasarkan kuasa maharaja . Sesungguhnya negara telah menjadi aset kepada segelintir suku kaum sahaja di mana negara diperintah oleh sekelompok suku kaum (iaitu keluarga imperial)mengikut giliran . Terdapat satu fungsi yang jelas iaitu kuasa maharaja adalah kuasa yang tertinggi di mana keputusan maharaja adalah keputusan yang terakhir .

Dari sudut pandangan sarjana-sarjana pentadbir , kebanyakannya menganggap maharaja merupakan satu-satunya orang yang mampu memerintah

negara . Tanpa maharaja , suasana masyarakat menjadi gelap-gelita . Mereka sentiasa mengharapkan kemunculan maharaja yang berwibawa . Pada era kegemilangan pemikiran Zhanguo , kemunculan aliran-aliran falsafah yang beraneka bukan sahaja tidak menghadkan kekuasaan raja , bahkan mereka mengemukakan teori-teori yang menyokong raja pula .²² Kedaulatan maharaja telah menjadi satu kuasa yang tidak boleh dicabar . Walaupun terdapat ramai sarjana pentadbir berani mengemukakan pandangan-pandangan sendiri , namun nasib mereka adalah malang sekali . Ramai daripada sarjana pentadbir sanggup menjadi watak-watak yang kurang penting seperti menteri-menteri yang bertaat-setia , pembantu maharaja , malah menjadi orang bawahan maharaja . Mereka harus menerima hakikat bahawa mereka langsung tidak boleh berperanan sebagai “ pemimpin yang tertinggi ” dalam negara China . Pemusatkan kuasa maharaja bukan sahaja mengakibatkan kegagalan pembaharuan Fan Zhongyan , malah membawa mudarat yang langsung kepada dinasti Song .²³

5.3 Sistem *Enyin*

Sistem perlantikan melalui “perlindungan” (*enyin*) adalah suatu sistem yang membolehkan anak atau cucu saudara-mara maharaja , pegawai-pegawai dan jeneral-jenral menjadi pegawai . Istilah yang dipakai untuk sistem perlindungan adalah banyak pada masa dinasti Song , antaranya termasuklah *renzi*

²² Liu Zehua 刘泽华, *Zhongguo de wangquan zhuyi* 中国的王权主义(*Doktrin Kuasa Raja di Negara China*), Shanghai : Renmin Chubanshe , 2000 , ms. 178 .

²³ Ibid. , ms. 179 .

任子, *enyin* 恩荫, *yinbu*荫补, *zoubu* 奏补, *enbu*恩补, *menyin* 门荫, *yinzi* 荫子 dan lain-lain.²⁴ Secara ringkas, sistem “perlindungan” sebenarnya merupakan hak istimewa yang telah diberi kepada golongan bangsawan dan amalan tersebut juga diterima secara umum dalam sistem birokrasi China. Walau bagaimanapun sistem ini telah mencapai tahap penyelewangan yang paling teruk pada masa dinasti Song.²⁵

5.3.1 . Sifat Istimewa Sistem *Enyin* sempena Dinasti Song

Jika ditinjau dengan teliti, didapati bahawa sistem perlindungan telah diperkembangkan dengan sewenang-wenangnya pada masa pemerintahan Song Zhen Zong, terutamanya selepas perjanjian Chanyuan yang ditandatangani antara dinasti Song dengan Liao. Maharaja Zhen Zong pada masa itu tidak lagi berusaha untuk memulihkan martabat dinasti Song tetapi lebih cenderung kepada keamanan secara luaran sahaja. Pada masa inilah sistem perlantikan pegawai-pegawai melalui “perlindungan” telah diperkembangkan sehingga ke satu tahap yang sangat membimbangkan.

²⁴ Pada zaman pemerintahan dinasti Qin, gelaran bagi mereka yang menjawat jawatan pegawai kerajaan menerusi sistem perlindungan dipanggil *Baozi* 葆子. Selepas dinasti Han, ianya kebanyakannya digelar sebagai *renzi* 任子 dan pada dinasti Song pula, gelaran-gelaran dari sistem perlindungan menjadi lebih banyak, ianya termasuklah *renzi* 任子, *enyin* 恩荫, *yinbu* 荫补, *zoubu* 奏补, *enbu* 恩补, *menyin* 门荫, *yinzi* 荫子 dan lain-lain.

²⁵ Miao Shumei 苗书梅, *Songdai guanyuan xuanren he guanli zhidu* 宋代官员选任和管理制度(*Sistem Pemilihan dan Pengurusan Pegawai-pegawai Dinasti Song*), Henan Daxue Chubanshe 河南大学出版社, 1996, m.s.54.

Sekiranya dipandang secara teliti , sistem “perlindungan” terdapat tiga aspek yang unik sekali . Pertama , perlantikan pegawai-pegawai melalui “perlindungan ” sering dijalankan atas sebab-sebab yang tertentu . Kedua , linkungan dalam sistem “perlindungan ” adalah amat luas dan ketiga , bilangan pegawai yang dilantik melalui “perlindungan ” adalah banyak sekali .

Selepas pemerintahan Zhen Zong , kes-kes perlantikan melalui “ perlindungan ” bertambah banyak , malah ianya telah menjadi satu perkara yang wajib . Dasar pengisian jawatan kosong dilaksanakan pada hari-hari yang tertentu seperti pada masa maharaja menjalankan upacara penyembahan dan sebagainya . Kesempatan untuk mengamalkan sistem *enyin* adalah banyak , yang popular sekali ialah *shengjie*圣节 , *jiaosi* 郊祀, *zhishi*致仕 , *yibiao*遗表 , *dengji*登极 , *cehou* 册后 , *wangshi buyin*王事补荫 dan *zongshi*宗室 , seperti yang dijelaskan di bawah:

i. Upacara Harijadi Maharaja (*shengjie*)

Harijadi maharaja telah ditetapkan sebagai satu hari yang diraikan oleh rakyat di seluruh negara . Hari ini dikenali sebagai *shengjie* pada zaman Song. Pada tahun 1015 , menteri-menteri yang berpangkat tinggi iaitu Timbalan Ketua Biro Ketenteraan , Timbalan Ketua Menteri , Gabenor Tentera dan lain-lain , iaitu pegawai awam yang berpangkat Lima ke atas , golongan tentera yang berpangkat Enam ke atas , semuanya boleh mempersembahkan kepada maharaja

bahawa anak , cucu , adik serta sepupu mereka dapat mengisi jawatan-jawatan kosong sebagai pegawai .

ii. Upacara Penyembahan *Jiaosi*

Amalan mengisi kekosongan jawatan pada masa “Pengorbanan di kawasan desa” (*jiaosi*) juga dikenali sebagai “Upacara Besar” (*dali* 大礼) di mana pada setiap tiga tahun , maharaja akan memimpin pegawai-pegawai kerajaan memuja Tuhan . Pada perayaan ini , pihak kerajaan akan meraikannya secara besar-besaran . Untuk menunjukkan bahawa maharaja adalah seorang yang budi pekerti , baginda akan menaikkan pangkat pegawai dan mengurangkan hukuman penjenayah . Pada tahun 1056 (zaman pemerintahan Ren Zong) , pihak kerajaan telah memulihkan sistem yang lama yang dikenali sebagai *Mingtang Daxiang* 明堂大享 iaitu satu persembahan memuja langit dan tanah yang diadakan di istana pada bulan ke-9 . Pada masa ini , pembebasan penjenayah dan kenaikan pangkat pegawai secara besar-besaran diadakan . Bilangan calon yang dilantik melalui sistem “perlindungan ” semakin bertambah sehingga mencapai peringkat yang serius . Dalam dasar pembaharuan Qingli , Fan Zhongyan cuba mengemukakan pembaharuan melalui langkah “ mengawal bilangan pegawai yang dilantik berdasarkan hak istimewa pegawai ” demi mengurangkan bilangan pegawai dalam jentera kerajaan , namun dasar yang dikemukakan oleh beliau hanya sekadar

mengurangkan bilangan tanpa meninjau punca pertambahan bilangan pegawai dari sistem perlindungan itu .

iii. Masa Pegawai-pegawai Tinggi Bersara (*zhishi*)

Dalam sistem tersebut , pegawai awam dan golongan tentera yang berpangkat tinggi diberi peluang mengemukakan nama anak cucu mereka dijadikan pegawai semasa mereka bersara . Malah dasar ini telah dijadikan satu sistem yang tetap pada tahun 1026 zaman pemerintahan Ren Zong .

iv. Perlantikan Berdasarkan Wahsiat Pegawai-pegawai (*yibiao*)

Pengisian jawatan-jawatan juga dijalankan melalui sistem perlindungan *yibiao enze* 遺表恩澤 . Ini adalah satu dasar yang melibatkan saudara-mara maharaja , pegawai awam dan golongan tentera yang berpangkat sederhana . Apabila mereka meninggal dunia , pihak kerajaan akan menggantikan tempat mereka dengan saudara-mara , tetamu ataupun orang gaji mereka menurut senarai nama yang dicadangkan dalam wahsiat mereka . Pada zaman pemerintahan Zhen Zong , bilangan yang terlibat dalam sistem perlindungan ini turut bertambah manakala pada zaman pemerintahan Ren Zong (1006) , ianya telah dijadikan sebagai satu sistem yang wajib . Secara ringkas , pegawai tinggi yang berpangkat

empat ke atas sememangnya mendapat hak istimewa daripada sistem perlantikan *yibiao* , manakala pegawai awam dan golongan tentera yang telah memberi sumbangan terhadap negara yang berpangkat tujuh ke atas juga mendapat hak istimewa daripada dasar perlantikan *yibiao* ini .

v. Upacara Kenaikan Takhta Maharaja (*dengji*)

Cara pengisian jawatan pada masa kenaikan takhta juga dikenali sebagai *fengbiao* 奉表 di mana apabila maharaja yang baru menaiki takhta , ketua-ketua daerah dari seluruh negara akan menghantar saudara-mara anak buah 子弟亲属 demi memberi hadiah taniah kepada maharaja . Pihak kerajaan akan memberi jawatan-jawatan baru kepada orang yang dihantar tersebut .

vi. Upacara Perlantikan Maharani (*cehou*)

Sesungguhnya zaman dinasti Song mempunyai satu keistimewaan di mana bukan sahaja maharaja yang naik takhta akan melaksanakan pengisian jawatan-jawatan secara besar-besaran , bahkan pada masa penganugerahan maharani , beliau juga melaksanakan dasar ini dengan sewenang-wenangnya .

vii. Kematian Pegawai-pegawai Semasa Menjalankan Tugas

(*wangshi buyin* 王事补荫)

Hak istimewa sistem “perlindungan” juga diberi kepada saudara-mara pegawai-pegawai yang mati semasa menjalankan tugas kerajaan. Sistem ini disediakan oleh kerajaan untuk menghargai orang yang memberi sumbangan terhadap masyarakat dan negara dan biasanya mereka ini merupakan pegawai awam dan golongan terntera yang berpangkat sederhana dan ke bawah. Sebenarnya sistem ini bermula pada zaman pemerintahan Tai Zu di mana bilangan yang terlibat dalam sistem ini adalah tidak tentu dan mereka yang berjasa termasuklah mati semasa berperang atau yang mati semasa menangkap orang jahat dan juga mereka yang mati apabila menjalankan tugas yang diperintah oleh kerajaan.

viii. Hak Istimewa Kaum Kerabat Raja (*zongshi*)

Sesungguhnya anak cucu dan saudara-mara maharaja adalah golongan bangsawan bermartabat pada masyarakat dahulu. Pada zaman dinasti Song, bilangan yang menikmati faedah dalam sistem perlindungan berdasarkan hak istimewa kaum kerabat raja tidak terhad dan ianya merupakan golongan yang teramai yang dilantik melalui sistem tersebut. Malah mereka menikmati faedah tersebut sejak mereka masih kecil.

Sistem perlindungan pada dinasti Song adalah berbeza dengan dinasti Han , Yuan 元 (1271—1367) dan Ming kerana pada zaman dinasti-dinasti tersebut , setiap pegawai boleh menamakan seorang calon sahaja . Manakala pada masa dinasti Song , bilangan pegawai yang mendapat faedah di bawah sistem perlindungan bertambah setahun demi setahun . Selepas zaman pemerintahan Zhen Zong dan Ren Zong , bilangan pegawai bertambah lagi . Penyelewengan yang ketara dalam sistem perlindungan pada zaman dinasti Song semakin serius sehingga ke satu tahap yang membimbangkan .

5.3.2 . Kedudukan Politik Pegawai-pegawai yang dilantik melalui Sistem *Enyin*

Calon yang dilantik melalui sistem perlindungan kebanyakannya merupakan orang yang tidak berusaha dan bertanggungjawab di mana mereka hanya mementingkan keseronokan dalam kebendaan sahaja . Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kualiti mereka adalah rendah . Sekiranya kerajaan Song ingin memperkuatkan negara dengan mengharapkan pasukan pegawai yang tidak berkualiti ini , sebenarnya ini telah menjadi satu impian yang sukar dicapai .

Walaupun bilangan pegawai-pegawai tersebut bertambah dari masa ke semasa , namun kerajaan Song sebenarnya tidak menitikberatkan kedudukan pegawai-pegawai yang dilantik melalui dasar “perlindungan ” ini . Kerajaan Song

telah menghadkan bilangan mereka dengan dua aspek yang penting . *Pertama* , pangkat yang diberikan adalah rendah dan peluang memegang tugas-tugas khas adalah sangat kurang . Kerajaan telah menghadkan pegawai-pegawai tersebut supaya mereka tidak diberi peluang menjawat pangkat tinggi . Oleh yang demikian , mereka tidak boleh terus menjawat jawatan yang lebih penting seperti Gabenor Daerah (*zhizhou*) , Pentadbir Daerah Kecil (*zhixian*) , Pemeriksa Daerah (*tongpan*) dan sebagainya . Bagi mereka yang baru memegang jawatan pegawai , mereka hanya boleh menjawat jawatan-jawatan yang lebih rendah seperti Penyelia (*jiandang* 监当) , Pendaftar (*zhubu* 主簿) , Pembesar Tentera Daerah (*xianwei* 县尉) dan sebagainya yang merupakan tugas khas di daerah-daerah yang jauh dari ibukota . Mereka hanya akan dinaikkan pangkat memegang tugas khas yang penting mengikut sumbangan yang diberikan dan jumlah tahun yang mereka berkhidmat . Boleh dikatakan bahawa kebanyakan mereka ini hanya diberi tugas yang berpangkat rendah di daerah besar dan kecil sepanjang umur mereka . *Kedua* , kerajaan mengadakan peperiksaan khas yang dikenali sebagai *chengshi* 呈试 dan *quanshi* 诠试 untuk memilih pegawai yang berkelayakan manakala mereka yang tidak berkebolehan dalam mana-mana bidang tidak diberi peluang menjawat tugas khas yang penting . Sistem ini penting untuk menghalang kenaikan pangkat bagi mereka yang terdiri daripada golongan bangsawan .

Sesungguhnya sistem “perlindungan ” merupakan satu penganugerahan jawatan oleh pemerintah demi memperkuatkan kedudukan pihak kerajaan . Sistem ini juga merupakan punca utama pertambahan bilangan pegawai dari masa

ke semasa . Walaupun sarjana-sarjana pada dinasti Song telah merayu supaya mengurangkan perlantikan bilangan pegawai , namun usaha mereka amat tidak memuaskan .

Jika dipandang secara teliti , didapati bahawa pegawai yang dilantik melalui sistem *enyin* dan mereka yang dilantik melalui sistem peperiksaan adalah terdiri daripada dua golongan masyarakat yang berlainan . Pegawai-pegawai yang dilantik melalui sistem *enyin* merangkumi saudara-mara maharaja , golongan bangsawan dan golongan tuan tanah di mana kerajaan Song mempergunakan dasar ini demi mencapai matlamat politik mereka supaya mendapatkan sokongan daripada golongan masyarakat ini , manakala pegawai-pegawai yang dilantik melalui sistem peperiksaan awam pula terdiri daripada golongan masyarakat yang sederhana atau miskin dan bukan dari keluarga yang berlatarbelakangkan golongan bangsawan . Kerajaan Song memberi tanggungjawab yang berat kepada mereka demi memperkuatkuarkan kuasa politik kerajaan pusat dan asas pimpinan kerajaan Song .

5.3.3. Penerusan Masalah Pegawai yang Berlebihan

Sejak dari zaman pemerintahan Ren Zong , apabila menyentuh tentang soal pegawai yang berlebihan , golongan sarjana-sarjana pentadbir tetap akan mengkritik penyelewengan sistem *enyin* . Walaupun kerajaan Song

bersungguh-sungguh cuba mengubah dan memperbaiki peraturan sistem “perlindungan” iaitu menerusi pembaharuan dalam menghadkan pangkat , umur , bilangan , jawatan , tugas-tugas khas dan kenaikan pangkat serta lain-lain lagi , namun kenaikan bilangan mereka tidak dapat dihalang dalam jangka masa yang panjang . Penyelewengan dasar “perlindungan” telah menghalang calon-calon *keju* dari menonjolkan kebolehan masing-masing di samping membebankan pihak kerajaan dari segi ekonomi . Malah kualiti kebanyakan calon-calon yang dilantik melalui sistem ini adalah rendah .

Dengan wujudnya kelemahan-kelemahan dalam dasar “perlindungan” , sistem ini tetap menuju ke arah penyelewengan dalam dinasti Song . Ini disebabkan pertama , sistem ini dijalankan untuk memenuhi kehendak individu di kalangan saudara-mara maharaja . Ini telah ditunjukkan bahawa kaum kerabat diraja paling mudah memegang jawatan pegawai . Kedua , sistem ini bertujuan untuk memenuhi kehendak golongan bangsawan dan golongan atasan sahaja . Ianya merupakan satu asas dalam penyelewengan sistem *enyin* di mana menerusi jawatan pegawai yang dipegang , calon tersebut dapat menikmati berbagai-bagai faedah termasuklah menerima gaji yang lumayan , dikurangkan atau dikecualikan dari sistem kerahan , malah dikurangkan atau bebas dari hukuman denda . Di sini didapati bahawa pegawai awam dan golongan tentera merupakan golongan yang terpenting dalam jentera pentadbiran negara , maka maharaja sebagai pemimpin yang tertinggi terpaksalah memenuhi kehendak golongan-golongan tertentu dengan tujuan mengekalkan kedudukan pucuk pimpinan dinasti Song .

Maharaja dan menteri-menteri turut mempunyai matlamat tertentu sesama sendiri , maka ianya telah menyebabkan penyelewengan dalam dasar perlantikan melalui sistem *enyin* .

Pada keseluruhannya , sistem *enyin* mengakibatkan masalah yang serius dari segi politik , ekonomi dan sosial . Golongan yang kaya tetap menjadi kaya dan sebaliknya pula rakyat jelatah yang merupakan golongan yang paling miskin . Walaupun Fan Zhongyan cuba memperbaiki keadaan yang buruk ini , namun beliau tetap mengalami kegagalan pada akhirnya kerana batu penghalang yang terbesar sekali ialah kelemahan dalam seluruh struktur masyarakat dinasti Song yang disebabkan oleh sistem maharaja yang merupakan satu unsur yang mampu merosakkan jentera pentadbiran negara tersebut .